



PEMBEKAL – PEMBEKAL & KONTRAKTOR USIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh / Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PELAKSANAAN CAJ PENGURUSAN BAGI PENDAFTARAN PEMBEKAL BEKALAN DAN PERKHIDMATAN SERTA KONTRAKTOR KERJA

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari telah mengenakan caj pengurusan bagi pendaftaran pembekal dan perkhidmatan serta kontraktor kerja berkuatkuasa pada **01 April 2015**. Pihak kami telah melaksanakan sistem kewangan baharu dimana proses pendaftaran pembekal dan kontraktor kini dilaksanakan secara atas talian melalui sistem Portal Pembekal iaitu di <http://amv2.usim.edu.my:8080/vendorLogin.jsp>.
3. Caj yang dikenakan ialah RM 50.00 (Termasuk caj GST) bagi semua pembekal bekalan dan perkhidmatan serta Kontraktor Kerja Kategori Bangunan / Awam / Mekanikal / Elektrik yang berdaftar dengan CIDB bagi Gred G1 hingga G3 manakala caj bagi kontraktor kerja ialah RM 100.00 (Termasuk caj GST) iaitu bagi Kontraktor Kerja Kategori Bangunan / Awam / Mekanikal / Elektrik yang berdaftar dengan CIDB bagi Gred G4 dan ke atas.
4. Caj pendaftaran perlu dibayar bagi setiap pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran yang tamat tempoh. Tarikh tamat tempoh adalah berdasarkan tarikh tamat pada Sijil Pendaftaran SSM / Kementerian Kewangan atau CIDB yang mana terdahulu.
5. Bagi pembekal sedia ada yang telah berdaftar dengan USIM, pembekal adalah digalakkan untuk membayar caj berkenaan serta mengemaskini maklumat pendaftaran Kementerian Kewangan / CIDB bagi membolehkan pembekal menikmati kemudahan yang disediakan melalui Portal Pembekal.
6. Kemudahan yang disediakan ialah pembekal akan dapat melihat status bayaran bagi setiap pembekalan, perkhidmatan dan kerja yang telah dilaksanakan, menerima pelawaan untuk menyertai sebutharga dan tender di USIM secara automatik mengikut kod bidang yang didaftarkan serta diberikan surat pengesahan pendaftaran sebagai pembekal / kontraktor di USIM.
7. Pembekal dan kontraktor yang berdaftar dengan USIM dan telah membuat bayaran pendaftaran akan diberikan kata laluan untuk melayari dan memperolehi maklumat yang disediakan melalui Sistem Portal Pembekal.

8. Pembayaran caj pendaftaran secara tunai hanya boleh dibuat di Kaunter Bendahari sahaja. Bagi pembayaran melalui cek / wang pos / kiriman wang, bayaran hendaklah dibuat atas nama **USIM TIJARAH HOLDINGS SDN BHD**. Semua pembayaran secara ONLINE iaitu melalui perbankan internet dan kad kredit **TIDAK DIBENARKAN**.

9. Maklumat lanjut berkaitan perkara di atas boleh dirujuk pada lampiran yang disertakan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan/maklumbalas, sila berhubung dengan kakitangan Bahagian Perolehan USIM di talian 06-7988221/8220.

Kerjasama daripada pihak Y.Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA”

Salam hormat,



(ZAIRUL HISHAM HJ AHMAD KHULAIMI)

Pemangku Bendahari
Universiti Sains Islam Malaysia

s.k.: 1. Timbalan Bendahari
 2. Fail